

▼10/09/15-48MST

CNS9488

R GB 10-09 00163 BA950

bah

KERAJAAN SEDANG Mencari JALAN ATASI MASALAH PENGGANTI PENEROKA

Mahathir - Peneroka

JITRA, 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang mencari jalan bagi mengatasi masalah peneroka pengganti kepada peneroka asal yang sudah meningkat usia di rancangan tanah FELDA.

Menurutnya, anak-anak peneroka itu kini sudah tidak mahu lagi pulang untuk meneruskan kerja ibu bapa mereka setelah berjaya dalam pelajaran.

Akibatnya, lama-kelamaan rancangan tanah tidak lagi mempunyai tenaga kerja, sebaliknya ada di kalangan mereka yang mengupah orang lain untuk menjalankan kerja itu, katanya pada perjumpaan dengan penduduk Kubang Pasu di Sekolah Kebangsaan FELDA Guar Napai, dekat sini hari ini.

Beliau berkata, pendekatan yang dibuat oleh kerajaan pada peringkat awal kemerdekaan dahulu sudah tidak sesuai kerana kini sudah wujud banyak peluang kerja yang lebih baik, tempat kerja yang selesa serta boleh mendatangkan pendapatan yang lebih baik, sehingga menyebabkan tidak ada lagi anak-anak yang ingin menjadi peneroka. -- Lagi.

▼10/09/15-46MST

CNS9491

R GB 10-09 00123 BA951

bah

Mahathir - Peneroka 2 Jitra

Bagaimanapun, katanya, kerajaan belum menentukan cara yang perlu diambil untuk mengatasi masalah itu.

Selain itu, katanya, soal faraid juga merupakan salah satu daripada masalah yang dihadapi iaitu pembahagian tanah perlu dibuat kepada semua anak-anak mengikut kehendak agama.

Katanya, kerajaan mencadangkan supaya diadakan saham bagi memudahkan pembahagian dilakukan berbanding dengan pembahagian tanah kerana ia tidak boleh dibahagikan dengan tepat.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mewujudkan sistem saham bukan untuk mengambil harta masyarakat, sebaliknya untuk memberi keadilan kepada mereka dan mengekalkan harta itu.

Beliau juga berkata, rancangan tanah yang diwujudkan oleh kerajaan telah menarik perhatian banyak negara membangun yang lain sehingga mereka ingin mempelajarinya daripada Malaysia. -- Lagi.

▼10/09/15-47MST

CNS9493

R GB 10-09 00164 BA952

bah

Mahathir - Peneroka 3 (Akhir) Jitra

Katanya, sehingga ini tanah rancangan Felda meliputi kawasan seluas 1,300,000 ekar (kira-kira 520,000 hektar) dan merupakan +syarikat perladangan+ yang terbesar di dunia.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan sedang berusaha untuk menjadikan negara ini maju dalam bidang industri dan meminta syarikat-syarikat industri membuka kilang-kilang mereka di luar kawasan lembah Klang untuk memberi peluang kepada penduduk di kawasan terpencil mendapat faedah.

Sehubungan dengan itu beliau menggesa masyarakat supaya sentiasa mengikuti perkembangan zaman dalam usaha melahirkan masyarakat yang maju dan sanggup menghadapi sebarang masalah.

Malaysia berhasrat menjadi negara maju menjelang tahun 2020 supaya dunia menghormatinya dengan syarat masyarakat boleh menunjukkan yang mereka juga mampu melakukan apa sahaja yang dilakukan orang lain, malahan lebih baik daripada mereka, katanya.

Beliau menggesa ibu bapa supaya mendidik anak-anak mereka menjadi rakyat yang mampu berkerja kuat, berdisiplin dan sanggup menghadapi masalah di samping berpegang kepada nilai-nilai murni dan akhlak yang mulia. -- Bernama.